

Politik Perkauman Tidak Boleh Mendominasi Tadbir Urus Negara - Penganalisis Politik Bernama
30 Jun, 2012

NIBONG TEBAL, 30 Jun (Bernama) -- Politik perkauman tidak boleh mendominasi struktur atau tadbir urus Malaysia kerana ia boleh memberi kesan kepada demografi dan geografi negara, kata penganalisis politik Prof Madya Dr Sivamurugan Pandian.

Timbalan Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM) itu berkata jika parti politik itu hanya terikat dengan kepentingan etnik masing-masing tanpa ada nilai kompromi dan pengorbanan, ia boleh mengganggu-gugat apa saja yang telah dibina dan dikecapi negara.

"Walaupun selepas 2008 masing-masing menyatakan pola pengundian melangkaui perkauman tetapi hari ini kita lihat ia (politik perkauman) semakin membesar (jelas). Persoalan kaum itu menjadi terlalu besar.

"Saya bersetuju dengan Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa politik perkauman itu sebenarnya menjadi salah satu faktor penting yang mempengaruhi pola atau trend pengundian pada pilihan raya akan datang," katanya kepada Bernama selepas Forum Rapat 1Malaysia anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) di sini hari ini.

Beliau berkata sesebuah parti politik itu seharusnya bijak mencari satu titik keseimbangan agar politik perkauman tidak meruntuhkan nilai-nilai mahu pun ideologi yang dibawa parti politik berkenaan.

Dr Sivamurugan berkata pemimpin politik juga tidak seharusnya terlalu taksud dengan personaliti tertentu atau pun kepentingan pihak tertentu sehingga melupakan kepentingan masyarakat yang mahukan nilai perkauman itu ditangani dengan rasional, praktikal dan secara sihat.

Katanya sesebuah parti politik itu perlu mempunyai satu penanda aras dan mekanisme untuk memastikan tidak ada pemimpin yang bertindak keterlaluan dalam mengamalkan politik perkauman.

"Ingatan Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) sendiri, soal perkauman tidak harus dibesarkan dan harus menghormati antara satu sama lain. Jika pemimpin mempunyai nilai hormat, mahu menerima perbezaan dan faham, maka itu akan menunjukkan ketinggian apa yang dikatakan kewibawaan seorang pemimpin," katanya.

Beliau berkata walaupun sesebuah parti politik itu ada kepentingan etniknya, pada waktu yang sama tidak meminggirkan kaum lain dengan mempunyai kelonggaran serta fleksibiliti untuk memainkan peranan di peringkat nasional mewakili semua peringkat.

Dr Sivamurugan berkata pemimpin pembangkang juga harus belajar untuk tidak menggunakan

politik perkauman sebagai benteng mendapatkan undi.

Mengulas lanjut, beliau berkata jika politik perkauman itu dibiarkan berleluasa, berkemungkinan gagasan 1Malaysia yang diilhamkan Perdana Menteri menerima kesan negatif.

"Kalau terus menular sudah pasti akan mengganggu nilai yang cuba disemai dalam 1Malaysia kerana konsep 1Malaysia, salah satu nilai besarnya adalah penerimaan, di samping kenegaraan dan keadilan sosial.

"Kalau politik perkauman besar, ia akan luntur nilai kenegaraan, ia juga akan hilang nilai penerimaan. Ia akan membesar dan mengutamakan nilai etnosentrik, sikap prejudis dan prasangka yang akan menyebabkan kita hilang segalanya," kata beliau.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=677056>